



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PELAKSANAAN KOKURIKULUM SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KOTA KINABALU, SABAH

ARBAA BIN TAMPUNG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

14. 04. 2007



ARBAABIN TAMPUNG  
M20061000082

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W justeru dengan limpah kurnia dan izin – Nya saya dapat menyiapkan penyelidikan ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan bagi memenuhi syarat bergraduat Ijazah Sarjana Pendidikan Sains Sukan.

Kepada Dr. Ahmad Hashim sebagai Penyelia Disertasi, saya sekeluarga mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga di atas bimbingan, dorongan dan tunjukajar yang diberikan. Ilmu yang dicurahkan terlalu berharga dan bernilai bagi tujuan penyelidikan ini.

Kepada isteri tercinta Naidah Hj. Sahirun, anak – anak dan keluarga, saya terutang di atas segala sokongan moral dan pengorbanan yang dihulurkan khususnya nasihat dan motivasi sehingga tamatnya pengajian yang banyak menguji kesabaran saya.

Penghargaan ini juga ditujukan khasnya kepada Pengarah Pelajaran Negeri Sabah, pengetua – pengetua, Penolong – penolong Kanan Kokurikulum dan guru – guru sekolah yang terlibat secara langsung dalam usaha membantu sehingga penyelidikan ini dapat disiapkan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Semoga jasa baik kalian semua akan mendapat keberkatan Allah S.W.T. Amin

## ABSTRAK

### PELAKSANAAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH KOTA KINABALU

Oleh  
**ARBAAA BIN TAMPUNG**

Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sepuluh buah Sekolah Menengah di Daerah Kota Kinabalu , Sabah. Di dalam kajian ini seramai 100 orang guru penasihat kokurikulum telah dipilih secara rawak dari 10 orang guru bagi setiap sekolah untuk dijadikan responden. Hasil kajian ditumpukan kepada pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang dilihat dari lima aspek iaitu guru, pelajar, kewangan, pentadbir, peralatan dan kemudahan padang dan gelanggang.Kajian ini berbentuk kaedah tinjauan dan pangumpulan data dibuat melalui soal selidik. Data diproses dengan komputer menggunakan program “Statistical Package For Social Science” (SPSS). Statistik deskriptif yang menggunakan frekuensi, peratusan dan min digunakan bagi menghuraikan responden kajian dan juga menjawab persoalan kajian. Dari kajian ini didapati sekolah-sekolah yang dikaji memang menghadapi masalah guru (min 3.14), masalah pelajar (min 3.94), masalah pentadbir (min 3.13), masalah kewangan (min 3.37), masalah peralatan (min 3.48) dan masalah kemudahan gelanggang dan padang (min 3.45). Semua masalah tersebut berada pada masalah biasa dan bukan masalah utama. Perkara ini boleh di atasi dari semasa ke semasa cuma masalah pelajar berada pada tahap masalah utama dan perlu diberi perhatian sewajarnya untuk menanganinya. Kajian ini juga mendapati kebanyakan guru yang terlibat dengan proses pengelolaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kokurikulum memerlukan kursus kerana kebanyakan mereka kurang dan tidak mempunyai pengetahuan, kemahiran dan latihan di dalam aktiviti tersebut. Di samping itu, didapati kebanyakan pelajar menyertai kokurikulum kerana diwajibkan oleh pihak pentadbir sekolah dan inginkan sijil pada hujung tahun persekolahan sahaja. Masalah peruntukan kewangan yang sukar diperolehi dan guru terpaksa mengeluarkan wang sendiri bagi melicinkan program juga merupakan masalah yang perlu diatasi dan diperbaiki dari semasa ke semasa, selain daripada masalah kekurangan peralatan, kemudahan gelanggang dan padang.

## ABSTRACT

### IMPLEMENTATION OF CO – CURRICULAR ACTIVITIES IN SECONDARY SCHOOLS IN THE DISTRICT OF KOTA KINABALU

By  
**ARBAAN BIN TAMPUNG**

The purpose of the study was to identify implementation of co - curricular activities in ten secondary school in the district of Kota Kinabalu, Sabah. In this study, 100 club teacher-advisors were chosen at random i.e. 10 teachers from each chosen school as respondents. The study focused on problems in administering co-curricular activities in five aspects i.e. problems of teachers, students, finance, administrators, equipment and courts, and field facilities. Data collection was done through questionnaires. Data processing was done using a computer basing on Statistical Package For Social Sciences (SPSS) programme Descriptive statistics using frequency, percentage and mean were used to describe the respondents answers and also in answering the research questions. The research showed that chosen schools were facing problems pertaining to teachers (mean = 3.14), students (mean = 3.94), administrators (mean = 3.13), finance (mean = 3.37), equipment (mean = 3.45), and courts, and field facilities (mean = 3.45). The problems were common, which could be solved from time to time. However problems faced by students would call for serious attention by the school administrators. The research also found that most the teachers in charge of the co-curricular activities had to undergo courses as they had no skills nor training in handling the activities. Furthermore, the research also showed that most students attended co-curricular activities because they were made compulsory and they wanted certificates at the end of the school year. Financing was difficult to obtain and teachers used their own money to carry out the activities. This was another problem that needed to be addressed besides the problems of equipment, courts and field facilities.

## KANDUNGAN

	Muka surat
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii

### BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian	12
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Kepentingan Kajian	14
1.6 Batasan Kajian	18
1.7 Definisi Operasional	18

### BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1 Kajian Berkaitan	22
----------------------	----



<b>2.2</b>	<b>Kepentingan Dan Kebaikan Kokurikulum</b>	<b>23</b>
	Faktor Sumber Manusia	33
	Pentadbir	33
	Guru	44
	Pelajar	49
	Faktor Sumber & Bahan Bantu Mengajar	56
	Kemudahan	56
	Peralatan	59
	Kewangan	60

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

<b>3.1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>63</b>
<b>3.2</b>	<b>Reka Bentuk Kajian</b>	<b>64</b>
	05-4506832	pustaka.upsi.edu.my
		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
		PustakaTBainun
		ptbupsi
<b>3.3</b>	<b>Kerangka Konsep Kajian</b>	<b>67</b>
<b>3.4</b>	<b>Pembolehubah Kajian</b>	<b>68</b>
<b>3.5</b>	<b>Populasi</b>	<b>69</b>
<b>3.6</b>	<b>Persampelan</b>	<b>70</b>
<b>3.7</b>	<b>Prosedur Menjalankan Kajian</b>	<b>72</b>
<b>3.8</b>	<b>Kajian Rintis</b>	<b>72</b>
<b>3.9</b>	<b>Instumen Kajian</b>	<b>73</b>
<b>3.10</b>	<b>Penganalisisan Data</b>	<b>75</b>



**BAB 4 : DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	79
4.2 Profil Responden	80
Jantina	81
Bangsa	81
Akademik	82
Sekolah	82
Jenis Sekolah	83
Umur	83
Pengalaman Kerja	84
Waktu Mengajar	84
Kursus Kokurikulum Yang Dihadiri	85
Bidang Tugas Responden Dalam Kokurikulum	86
Bidang Tugas Dalam Unit Beruniform	86
Bidang Tugas Dalam Kelab Dan Persatuan	87
Bidang Tugas Dalam Sukan Dan Permainan	88
Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum Dari Aspek guru	89
Pelaksanaan Aktiviti Dari Aspek Pelajar	91
Pelaksanaan Aktiviti Dari Aspek Pentadbir	93
Pelaksanaan Aktiviti Dari Aspek Kewangan	95
Pelaksanaan Aktiviti Dari Aspek Peralatan Dan Kemudahan Gelanggang	97

## Perbandingan Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum Mengikut Pandangan Responden Dari Aspek Guru, Pelajar, Pentadbir, Kewangan, Peralatan Dan Kemudahan Gelanggang 99

### BAB 5 : PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	102
5.2	Perbincangan	103
	Masalah Guru	104
	Masalah Pelajar	106
	Masalah Pentadbir	108
	Masalah Kewangan	109
	Masalah Peralatan Sukan Dan Permainan	111
	Masalah Kemudahan Padang Dan Gelanggang	112
5.3	Rumusan	113
5.4	Cadangan – Cadangan	117
	RUJUKAN	123
	LAMPIRAN	129
A	Borang Kaji Selidik	
B	Surat memohon kebenaran daripada BPPDP ( bersama Kertas Cadangan )	
C	Surat kelulusan menjalankan kajian daripada BPPDP	
D	Surat memohon kebenaran daripada Pengarah Pelajaran Negeri Sabah	
E	Surat kelulusan menjalankan kajian daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah	

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>muka surat</b>
3.1 Jadual Interpretasi Skor Min Masalah Pelaksanaan Kokurikulum	77
4.1.1 Jantina Responden	81
4.1.2 Bangsa Responden	81
4.1.3 Akademik Responden	82
4.1.4 Sekolah Responden	82
4.1.5 Jenis Sekolah Responden	83
4.1.6 Umur Responden	83
4.1.7 Pengalaman Kerja Responden	84
4.1.8 Waktu Mengajar Responden	84
4.1.9 Kursus Kokurikulum Yang Dihadiri Responden	85
4.2 Bidang Tugas Dalam Unit Beruniform	86
4.2.2 Bidang Tugas Dalam Kelab Dan Permainan	87
4.2.3 Bidang Tugas Dalam Sukan Dan Permainan	88
4.3 Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum Dari Aspek Guru	89
4.4 Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum Dari Aspek Pelajar	91
4.5 Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum Dari Aspek Pentadbir	93
4.6 Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum Dari Aspek Kewangan	95
4.7 Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum Dari Aspek Peralatan Dan Kemudahan Gelanggang	97



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

#### 4.8. Perbandingan Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum Mengikut Pandangan Responden Dari Aspek Guru, Pelajar, Pentadbir, Kewangan, Peralatan, Kemudahan Gelanggang Dan Padang

99



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

iiix



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI RAJAH

### Rajah

### Muka surat

2.1 Konseptual Model Faktor Yang Mempengaruhi Masalah

68

Pelaksanaan Kokurikulum Di Sekolah

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Sistem pengajaran dan pembelajaran yang dikelolakan kepada pelajar kurang berkesan jika berdasarkan pada proses penumpuan di dalam bilik darjah (kelas) serta berfokus pada perkembangan akademik tanpa melibatkan aspek pembelajaran fizikal dan mental serta kerohanian diri pelajar itu sendiri. Kementerian Pelajaran Malaysia telah memberi penekanan terhadap bidang dan aktiviti kokurikulum seperti dalam kandungan surat arahan “*School Course of Studies Regulation 195 dan Pindaan Akta Pendidikan 1961 NO. 552*. Menurut YB. Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi (1985) semasa memegang jawatan sebagai Menteri Pelajaran Malaysia pada ketika itu.

*Matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan ialah mewujudkan suatu bangsa bercoak Malaysia yang bersatu padu dan dihormati. Hasrat ini akan dapat dicapai jika generasi muda sekarang dapat diberi pendidikan yang seimbang dan sempurna. Pendidikan yang seimbang dan sempurna sentiasa memberi penekanan kepada kedua – dua aspek iaitu akademik dan aspek gerak kerja kokurikulum. Ini bermakna seseorang pelajar itu diberi didikan yang menyeluruh merangkumi aspek mental, fizikal dan spiritual.*

Sejak kebelakangan ini, pelbagai reformasi yang telah dan sedang dirancang untuk pengisian wawasan pendidikan ke arah kecemerlangan pendidikan negara. Pelaksanaan pelbagai aktiviti kokurikulum di sekolah semakin menggalakkan dan membolehkan para pelajar belajar secara berkesan melalui pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu jika di nilai dari perspektif pendidikan. Sungguhpun begitu, masih terdapat aktiviti – aktiviti yang dijalankan lebih cenderung terhadap sekadar memenuhi keperluan dan arahan pentadbiran seperti diprogramkan di dalam takwim sekolah. Justeru itu, sebahagian daripada aktiviti – aktiviti yang dilaksanakan tidak berlandaskan matlamat Falsafah Pendidikan Guru khususnya dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan umumnya. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dan diaksanakan kurang jelas dan berkesan untuk merealisasikan konsep '*pengetahuan dan kemahiran merentas kurikulum, atau pensejagatan ilmu, pengalaman dan kemahiran*'. Malah ada di antara aktiviti yang dijalankan itu bersifat "ad hoc" tanpa sebarang skema pelaksanaan yang komprehensif meliputi aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. Aktiviti – aktiviti yang dilaksanakan itu juga tidak banyak memberi peluang kepada para pelajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran secara "hands on" (yakni dengan berbuat dan mengalami sendiri) selaras dengan prinsip pembelajaran kontekstual (Unit Kokurikulum, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, 1999).

Kementerian Pelajaran Malaysia telah berusaha menggubal Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sebagai rujukan utama bagi mencapai Wawasan Pendidikan Negara berdasarkan pendekatan Sukatan Pelajaran Kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah – sekolah melalui pelbagai interaksi aktiviti di luar bilik darjah. Antara matlamat kokurikulum untuk merealisasikan pengisian wawasan dan agenda pendidikan negara ialah :-

- a. Perseimbangan di antara perkembangan mental dengan perkembangan sosial, jasmani dan rohani pelajar;
- b. Pengukuhan interaksi dan integrasi di kalangan pelajar;
- c. Peningkatan minat, bakat dan kemahiran pelajar di dalam aktiviti kokurikulum yang diceburinya;
- d. Pengukuhan dan pengayaan aktiviti pembelajaran yang dipelajari di dalam konteks bilik darjah serta peluasan pengetahuan dan pengalaman pelajar di dalam bidang – bidang tertentu;
- e. Pengisian masa lapang dengan aktiviti berfaedah serta pembinaan pelajar melalui proses penyemaian dan pemupukan nilai dan sikap positif selaras dengan hasrat rukun Negara;
- f. Peningkatan situasi dan iklim sekolah yang lebih menarik dan menyeronokkan pelajar;  05-4506833  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi
- g. Peningkatan penglibatan, kerjasama dan sumbangan dua hala antara sekolah dengan ibu bapa dan masyarakat.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989 : 2)

Pada tahun sekitar 1960 – an dan 1970 – an, masyarakat menganggap aktiviti kokurikulum sebagai suatu yang berasingan daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Kokurikulum aktiviti kurang bermakna dan hanya dijadikan sebagai aktiviti permainan biasa dan tempelan yang berada di luar kurikulum sekolah. Untuk merealisasikan aktiviti kokurikulum di sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memasukkan kokurikulum di dalam jadual waktu pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) dengan mengambil masa 60 minit seminggu.

Sebagai sebuah negara yang meletakkan pendidikan bertaraf dunia, penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum dianggap penting sebagai alat untuk memenuhi hasrat unggul dasar pendidikan kebangsaan, iaitu perpaduan di kalangan murid yang terdiri daripada berbilang kaum seperti mana yang dinyatakan di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979).

*Gerakerja kokurikulum "...adalah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan ataupun 'esprit de corps' di antara pelajar – pelajar yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berlainan. Ia juga bertujuan melatih pelajar – pelajar supaya bersikap bertanggungjawab. Kegiatan ini juga boleh melatih mereka berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai."*

Berdasarkan hasrat kerajaan menerusi Kementerian Pelajaran Malaysia yang mahukan aktiviti kokurikulum sebagai pemangkin untuk menyemai perasaan cinta terhadap negara dikalangan pelajarnya, pihak pentadbir sekolah seharusnya berusaha sedaya mungkin untuk merancang aktiviti kokurikulum berdasarkan kehendak misi Kementerian Pelajaran Malaysia di peringkat organisasi sekolah, menyusun atur dan melantik guru – guru yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk melaksana dan mengelola aktiviti kokurikulum mengikut situasi dan persekitaran sekolah. Manakala guru sebagai insan yang diberi tanggungjawab dan amanah, seharusnya menunjukkan teladan yang baik, bukan sahaja sebagai pengurus pedagogi kokurikulum, tetapi juga menjadi penyampai ilmu pengetahuan yang berkesan, kaunselor, pendisiplin, pencetus motivasi, pemimpin dan sebagai kawan kepada pelajar untuk memudahkan interaksi pengajaran apabila aktiviti kokurikulum dijalankan.

Sehubungan dengan itu, Peraturan – peraturan Pendidikan Kurikulum Kebangsaan (1997), dasar pelaksanaan kurikulum juga berdasarkan apa – apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari dalam bilik darjah.

Kurikulum Kebangsaan menegaskan bahawa setiap aktiviti kurikulum mestilah membantu seseorang murid sepenuhnya dalam melahirkan mereka insan yang seimbang di samping menanam dan mempertingkatkan nilai moral selain daripada dapat menyampaikan ilmu pengetahuan yang mereka perolehi semasa melalui pengalaman pembelajaran menerusi interaksi kurikulum.

## 1. 2 Penyataan Masalah

Pelbagai masalah yang timbul di dalam konteks pentadbiran sekolah dan pelaksanaan aktiviti kurikulum. Masalah utama ialah perancangan dan penjadualan aktiviti kurikulum yang dihadapi oleh pentadbir sekolah (Othman Ali, 1999). Perancangan dan penjadualan aktiviti kurikulum berkait rapat dengan jenis badan yang ditubuhkan berserta dengan aktiviti – aktivitinya, perlantikan guru penasihat, ahli jawatankuasa yang diberi kepercayaan, peralatan yang diperlukan dan kesesuaianya, masa yang sesuai untuk menjalankan aktiviti dan penilaian setiap aktiviti yang dijalankan. Sehubungan dengan itu, pihak pentadbir sekolah kurang memberi fokus terhadap minat pelajar, kehendak dan kebolehan individu menyebabkan para pelajar kurang melibatkan diri secara aktif dalam kurikulum (Faridah Karim, 1985 dan Bucher, 1979).

Menurut Mohd Sofian Omar (2002), oleh sebab sistem pendidikan berorientasikan kejayaan dalam peperiksaan, maka kurikulum akademik dipandang lebih penting daripada kurikulum. Sebahagian masyarakat melihat konsep kedua – dua kurikulum ini, sedangkan pada asalnya kedua – duanya merupakan dua komponen yang mempunyai hubungan yang rapat dan saling memberi peneguhan di antara satu dengan yang lain dalam sistem pendidikan. Menurutnya lagi sumbangan kurikulum bukan setakat mengisi kepentingan perseorangan semata – mata, tetapi yang nyata kecemerlangan tersebut jika digembelengkan akan memberi suatu sumbangan yang bermakna dalam pembinaan masyarakat seimbang dan bersatupadu, serta negara yang makmur.

Bagaimanapun perlu diakui bahawa masih terdapat pelbagai masalah yang timbul bagi menghalang dan mengekang pelaksanaan tanggungjawab terhadap aktiviti tersebut. Sama ada pihak guru, pelajar mahupun ibu bapa mereka masih beranggapan bahawa aktiviti kokurikulum sebagai membuang masa, menambah perbelanjaan dan tidak penting (Che Aziz Jaafar dan Aminuddin Yusof, 2002).

Penglibatan para pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah sekadar memenuhi kehendak dan peraturan sekolah yang di wajibkan terhadap mereka menceburi aktiviti kokurikulum. Ini mencerminkan pihak sekolah tidak dan kurang memberi peluang kepada setiap pelajar khususnya pelajar yang lemah dalam bidang akademik. Situasi ini mendorong para pelajar ponteng atau mengambil peluang untuk membabitkan diri dengan aktiviti – aktiviti kurang bermoral dan tidak sihat dan seterusnya menimbulkan masalah disiplin di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989 : 58 – 59).

Pada masa yang sama, aspek perancangan yang tidak mempertimbangkan kemudahan peralatan atau kelengkapan menyebabkan kelemahan dan kepincangan di dalam organisasi pengurusan dan pentadbiran kokurikulum. Kekurangan kemudahan infrastruktur, kewangan, peralatan dan fasiliti masih menjadi faktor utama yang menghalang pelaksanaan pelbagai aktiviti kokurikulum. Persoalan ini dijadikan alasan untuk menanggu dan membatalkan aktiviti – aktiviti yang di rancang dan sedia ada sehingga peluang pelajar untuk mencuba dan menyertai aktiviti kokurikulum yang diminati semakin terbatas dan terhad. Malangnya usaha mengoptimumkan penggunaan kemudahan – kemudahan yang ada, atau memanfaatkan sumber – sumber tempatan, tidak

banyak dilakukan. Peralatan – peralatan dan kemudahan – kemudahan yang ada juga tidak di selenggara dengan baik. Disebabkan sekolah kekurangan kelengkapan untuk menjalankan aktiviti kurikulum, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.4/1985 yang memerlukan sekolah menggunakan secara maksima ruang dan peralatan yang sesuai dengan jenis aktiviti mengikut situasi setempat dan kemampuan sekolah.

Selain daripada faktor pengurusan dan pentadbiran sekolah terhadap perancangan dan proses pelaksanaan, penglibatan dan komitmen para pelajar terhadap aktiviti kurikulum juga memainkan peranan penting ke atas keberkesanan dan kecemerlangan kurikulum tersebut di sekolah. Minat, kesungguhan dan kerjasama yang diberikan terhadap segala aktiviti yang di rancang juga memberi kesan ke atas sesuatu program aktiviti yang telah di atur untuk para pelajar. Kekangan masa turut memainkan peranan penting bagi menentukan berjaya ataupun tidak pengurusan dan pelaksanaan kurikulum yang dilaksanakan di sekolah. Para pelajar seringkali memberi alasan bahawa masa tidak sesuai dengan penjadualan aktiviti – aktiviti. Pihak yang merancang khususnya Setiausaha GERKO dan penyelaras – penyelaras seperti Sukan Permainan, Unit Beruniform dan Persatuan amat sukar mencari masa yang benar – benar lapang dan sesuai dengan para pelajar yang membolehkan semua pelajar terlibat di dalam aktiviti yang di rancangkan. Bukan hanya pelajar tidak mempunyai masa dan waktu yang sesuai, kadangkala berlaku pertindihan waktu bagi menjayakan sesuatu program di antara pihak yang merancang bagi aktiviti kurikulum dengan pihak yang mentadbir dalam perancangan kurikulum khususnya akademik. Justeru itu, pihak Kementerian Pelajaran

Malaysia telah memberi penegasan bahawa perlunya penyusunan dan perbincangan dilakukan di antara pihak pentadbir sendiri iaitu Penyelaras Kokurikulum dengan Penolong Kanan Kurikulum supaya aktiviti ataupun sesuatu program yang di rancang tidak berlaku pertindihan masa dan waktu. Situasi ini dilakukan agar semua pelajar dapat melibatkan diri di dalam aktiviti yang melibatkan semua komponen kokurikulum di sekolah.

Sharuniza Azuin Abd. Rani di dalam Mohd Sofean Omar (2002), menegaskan sesetengah ibu bapa terlalu mementingkan pencapaian akademik tanpa memikirkan tanggungjawab dan memberi pengalaman kepada anak – anak mereka dalam bidang kokurikulum. Galakan daripada Kementerian Pelajaran supaya setiap pelajar mempunyai perseimbangan di antara perkembangan mental dengan perkembangan social, jasmani dan rohani seharusnya di sokong oleh ibu bapa. Ibu bapa harus sedar bahawa anak – anak mereka mempunyai minat dan bakat yang harus di ketengahkan. Sekolah sebagai institusi pendidikan memainkan peranan penting bagi melahirkan para pelajar yang cergas dan aktif di dalam kokurikulum.

Komitmen, kerjasama dan kesungguhan yang diberi oleh guru penasihat terhadap persatuan yang dikendalikan juga memberi kesan ke atas pengurusan kokurikulum. Perlantikan yang di rancang dan dilakukan oleh pihak pentadbir terhadap guru penasihat dalam aktiviti gerakerja kokurikulum bukannya berdasarkan minat, pengalaman, pertimbangan dari segi jantina dan pengetahuan yang ada pada guru tersebut bagi membolehkan mereka mengurus dengan berkesan dan mengajar dengan seronok, tetapi

kerana desakan keperluan yang menyebabkan seorang guru untuk menjadi penasihat terhadap sesuatu badan ataupun persatuan. Fenomena ini menjadi alasan kepada guru – guru untuk tidak menunjukkan komitmen yang sepenuhnya terhadap badan yang dipimpinnya. Akibatnya wujudlah guru yang bersifat pasif, tidak inovatif, tidak kreatif dan tidak kritis.

Sehubungan dengan itu, Abu Bakar Nordin (1991), telah menjelaskan bahawa hanya segelintir guru di sekolah yang melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum manakala sebahagiannya tidak langsung menceburinya. Pelbagai alasan yang diberi oleh mereka , di antaranya :

- a. Mereka menganggap kokurikulum sebagai aktiviti membuang masa
- b. Mereka tinggal jauh dari sekolah
- c. Mereka telah banyak dibebani dengan pelbagai tanggungjawab dan tugas lain yang mesti dikendalikan; dan
- d. Mereka tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang yang ditugaskan

Berdasarkan pelbagai alasan yang diberi, guru – guru tidak menunjukkan komitmen, minat dan tanggungjawab yang sepenuhnya terhadap aktiviti kokurikulum yang di rancang dan dilaksanakan. Segala perancangan aktiviti yang dijalankan menjadi hambar dan sekadar memenuhi syarat serta takwim sekolah sahaja



Proses penilaian markah yang tidak seragam juga memberi kesan ke atas kesungguhan pelajar untuk menyertai program kokurikulum di sekolah. Para pelajar cenderung untuk mendapatkan markah yang berlainan terhadap pencapaiannya walaupun aktiviti kokurikulum yang disertai adalah sama. Keadaan ini disebabkan oleh penilaian yang tidak seragam oleh guru penasihat, lantaran itu perlunya penggunaan format dan reka bentuk penilaian yang standard, unsur – unsur ketidakadilan dalam pemberian markah boleh dihindarkan ( Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998:1). Penilaian yang seragam oleh semua pihak dapat membolehkan pencapaian seseorang pelajar di dalam aktiviti kokurikulum diambil kira di dalam pemprosesan untuk pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi tempatan sebagaimana yang dicadangkan oleh Wakil Bahagian Pengajian Tinggi dalam Mesyuarat Pengurusan Pendidikan Bil. 9, 1997.



Persoalannya di sini apakah punca yang menyebabkan aktiviti kokurikulum tidak diberi fokus utama? Apakah masalah – masalah yang boleh menghalang pelajar dan guru untuk memberi komitmen terhadap kokurikulum? Apakah pelan tindakan yang boleh dilakukan terhadap aktiviti kokurikulum agar mampu menarik minat pelajar untuk mengikutinya.



## 1.3 Objektif Kajian

### 1.3.1 Objektif Umum

Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh sekolah di Daerah Kota Kinabalu dalam merancang dan melaksanakan aktiviti kokurikulum dan bagaimanakah masalah tersebut memberi halangan kepada pelajar dan guru dalam mengendalikan aktiviti kokurikulum dengan berkesan dan sistematik.

Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui dan meneliti sejauhmana penglibatan para pelajar terhadap aktiviti kokurikulum yang dikendalikan oleh pentadbir dan guru – guru berasaskan kepada pelbagai kemudahan alatan, kewangan, program dan pelaksanaannya.

### 1.3.2 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini ialah :

1. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum
2. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menyertai aktiviti kokurikulum

3. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbir dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum
4. Mengenal pasti sama ada masalah kewangan merupakan kekangan dan halangan terhadap pelaksanaan aktiviti kokurikulum
5. Mengenal pasti sama ada masalah peralatan merupakan kekangan dan halangan terhadap pelaksanaan aktiviti kokurikulum

#### 1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan dan objektif kajian yang ada, kajian ini akan menjawab soalan – soalan seperti berikut :

- I. Adakah sekolah menghadapi masalah dari aspek guru dalam pelaksanaan aktiviti Kokurikulum?
- II. Adakah sekolah menghadapi masalah dari aspek pelajar dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum ?
- III. Adakah guru menghadapi masalah dari pihak pentadbir dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum ?
- IV. Adakah sekolah menghadapi masalah kewangan dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum ?
- V. Adakah sekolah menghadapi masalah peralatan, padang dan gelanggang dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum ?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Di dalam usaha untuk menjelaskan warga pelajar yang seimbang dari aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek sepetimana yang termaktub di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, peranan aktiviti kokurikulum seharusnya tidak dapat diketepikan dan hanya di lihat sebagai aktiviti yang kurang memberi sumbangan terhadap proses pembinaan insan pelajar. Kokurikulum merupakan aktiviti pelengkap kepada kurikulum jika inginkan kesempurnaan di dalam merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia melalui FPK. Berdasarkan kajian ini, diharapkan ia dapat membantu dan memberi faedah kepada pelbagai pihak seperti pelajar, pentadbir, guru di sekolah, ibu bapa, masyarakat dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mohd Sofean Omar Fauzee ( 2002 ), menyatakan dengan sewajarnya dalam pelaksanaan serta pentadbiran kegiatan kokurikulum, para pelajar terpaksa mendisiplinkan diri dan membahagikan masa mereka dengan baik. Kegiatan ini dengan sendirinya akan mengurangkan penglibatan pelajar dalam aktiviti yang tidak sihat dan tidak diingini. Dalam proses melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum, diharapkan para pelajar dapat menerapkan nilai – nilai murni seperti tolong – menolong, hormat – menghormati sabar, bekerjasama dalam satu kumpulan, ikhlas, jujur dan nilai – nilai positif yang penting dalam konteks hidup bermasyarakat suapaya kualiti hidup yang stabil, tenteram dan progresif dapat dinikmati. Dengan perkataan lain, penglibatan diri dalam aktiviti kokurikulum dapat mewujudkan disiplin dalam generasi pelajar dan ini

tentunya akan mengurangkan masalah disiplin yang akan dan sedang menjadi satu isu yang membimbangkan dalam masyarakat kita ketika ini di sekolah – sekolah sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Dalam situasi ini, semua pihak yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran termasuk masyarakat ibu bapa, harus memainkan peranan masing – masing dalam menjayakan program dan pelaksanaan serta pencapaian aktiviti kokurikulum di sekolah.

Faridah Karim ( 1985 ), telah menyatakan bahawa penyelidikan yang telah dijalankan mengenai aspek aktiviti kokurikulum amat kurang. Penyelidikan berhubung dengan perkara seperti kaedah mengajar, pengurusan kokurikulum, keberkesanannya terhadap pembelajaran pada keseluruhannya amat diperlukan. Dengan pengiktirafan dan pendekatan yang baru terhadap aktiviti kokurikulum diharap penyelidik yang menjalankan penyelidikan dapat menunjukkan usaha dan kesungguhan supaya dapat memberi gambaran dalam bentuk data – data yang bermakna untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang ini.

Kejayaan dan prestasi aktiviti kokurikulum dalam pelbagai organisasi kokurikulum di sekolah khususnya yang dilaksanakan oleh pelajar bergantung pada sokongan dan tindakbalas yang diberi oleh pelajar tersebut terhadap program yang telah dan sedang dirancang untuk dikelolakan. Mereka sewajarnya dapat memahami konsep, objektif, matlamat kokurikulum dan perkaitannya dengan hasrat murni FPK dengan jelas dan mengapa aktiviti kokurikulum wajib dilaksanakan di sekolah dan dalam masa yang sama mereka pula diwajibkan untuk terlibat secara langsung menyertainya. Penglibatan

aktiviti kokurikulum mampu untuk menimbul dan merangsang minat dikalangan pelajar lain supaya lebih bersemangat untuk menceburi pelbagai aktiviti kokurikulum yang menjadi pilihan mereka di sekolah. Pengetahuan yang mendalam juga mampu untuk pelajar mengenali dan mengikuti segala aktiviti kokurikulum dengan cara yang terbaik dan sistematik.

Berdasarkan kajian ini, para ibubapa menyedari bahawa tujuan dan pelbagai tanggapan yang berbentuk negatif berkaitan aktiviti kokurikulum sepetimana yang dinayatakan oleh Faridah Karim (1985), dalam kertas kerjanya bahawa tidak hairan mengapa tanggapan orang ramai adalah negatif terhadap GERKO pada keseluruhannya. Ibu bapa enggan menghantar anak – anak mereka selepas waktu sekolah sebab pada mereka GERKO kurang berfaedah, membazir masa dan wang. Ibubapa dan masyarakat mendapat gambaran yang jelas tentang peranan yang dimainkan oleh aktiviti kokurikulum di dalam membentuk sahsiah dan peribadi para pelajar untuk menjadi insan yang cemerlang di dalam semua aspek seperti, fizikal, mental, sosial dan emosi. Kini konsep kokurikulum telah beransur dalam proses perubahannya, masyarakat ibubapa telah menerima sebagai sebahagian dari kurikulum sekolah dan bukannya saling kait – berkaitan dan mencakup di antara satu dengan yang lain (Paul L, 2002). Pada masa sekarang, pihak kementerian dan juga masyarakat telah menyedari bahawa kokurikulum sangat penting dalam pembangunan kurikulum sekolah dan Negara. Selaras dengan FPK, aktiviti kokurikulum adalah dianggap berkesan untuk memupuk keseimbangan mental dengan perkembangan rohani, jasmani dan sosial pelajar (Weng Eng Hoe dalam Paul L, 2002).



Sebagai perancang utama di dalam menjayakan pelaksanaan aktiviti kurikulum di institusi sekolah, pentadbir dan guru bertanggungjawab bagi memastikan pengurusan dan perancangan kurikulum berjalan dengan lancar dan sistematik. Kajian ini diharap dapat menambahkan lagi ilmu dan kemahiran pengurusan kurikulum dikalangan pentadbir dan guru di sekolah. Dengan penambahan ilmu tersebut, mampu meningkat, mendorong dan menolong guru untuk lebih aktif dan berkeyakinan ketika mengawas dan menasihati sesebuah badan kurikulum bawah tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya oleh pihak pentadbir. Di samping itu, pihak pentadbir sekolah juga akan memperolehi manfaat di mana keupayaan merancang, mengorganisasi dan membuat penilaian supaya aktiviti kurikulum mencapai tahap yang dikehendaki oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kajian ini juga mampu memberi sumber, input dan rujukan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia di dalam usaha penampaikan aktiviti kurikulum di sekolah – sekolah. Pelbagai strategi tindakan yang dicadangkan dan telah dikenal pasti yang boleh difikirkan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran bagi mengatur perancangan agar aktiviti kurikulum tidak dipinggirkan dan seterusnya tidak diberi perhatian sewajarnya.



## 1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan khusus di Sekolah Menengah Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Tumpuan hanya untuk mendapatkan data dan maklumat tentang permasalahan di dalam pelaksanaan aktiviti kurikulum dan apakah masalah utama yang menghalang keberkesanan pelaksanaan tersebut di samping melihat komitmen pelajar terhadap aktiviti yang dirancang dan dijalankan di sekolah – sekolah berkenaan.

## 1.7 Definisi Operasional

Dalam kajian ini pelbagai istilah yang diberi secara operasional untuk menjelaskan sesuatu maksud dengan lebih tepat dan terperinci.

## Masalah

Masalah di dalam konteks kajian ini merujuk terhadap halangan atau kesulitan dan kekangan yang dihadapi oleh pihak pentadbir, guru dan pelajar di dalam melaksanakan aktiviti kurikulum yang akan memberi kesan ke atas prestasi dan matlamat mengikut apa yang dirancang. Permasalahan yang dikaji berdasarkan dua faktor utama iaitu faktor sumber manusia seperti pentadbir, guru dan pelajar. Manakala faktor kedua ialah sumber bahan seperti kemudahan, peralatan dan kewangan.

## Pelaksanaan

Pelaksanaan bermaksud melaksanakan, menjalankan dan mengusahakan rancangan (Teuku Iskandar, 1991). Dalam konteks kajian ini, pelaksanaan merupakan usaha menjalankan aktiviti kurikulum yang mana pelajar dibimbing oleh guru berdasarkan pernyataan objektif dan matlamat yang telah ditetapkan oleh sesuatu badan kurikulum tertentu.

## Kurikulum

Kurikulum merupakan gerak kerja yang bercorak pendidikan dan berbentuk pengalaman pembelajaran. Gerak kerja tertentu boleh dilakukan di dalam dan di luar bilik darjah berdasarkan kesesuaian sesuatu gerak kerja kurikulum itu sendiri (Omar Din Ashaari, 1996). Namun begitu, maksud kurikulum telah diperjelas dan diperincikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1989), iaitu kurikulum sebagai aktiviti yang bercorak pendidikan dan berupa pengalaman yang boleh dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah seperti pakaian seragam, persatuan atau kelab dan sukan permainan

Kurikulum di dalam kajian ini ialah aktiviti dalam Unit Beruniform, Persatuan/Kelab dan Sukan Permainan yang dijalankan di dalam atau di luar bilik darjah yang menjadi kesinambungan atau lanjutan daripada aktiviti pembelajaran akademik yang dipelajari oleh pelajar di sekolah

## Sekolah Menengah

Sekolah menengah ialah institusi pendidikan yang disediakan oleh kerajaan untuk aktiviti pembelajaran pelajar – pelajar bagi tempoh tiga tahun pertama diperingkat menengah rendah (tingkatan 1 hingga tingkatan 3), dua tahun diperingkat menengah tinggi (tingkatan 6 bawah hingga tingkatan 6 atas). (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1986:49)

## Kedudukan Sekolah

Klasifikasi yang digunakan untuk membandingkan sekolah berdasarkan kawasan kedudukan sekolah. Umumnya terdapat dua kategori iaitu kawasan bandar dan kawasan luar bandar berdasarkan klasifikasi yang telah ditentukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Sabah.

## Umur

Klasifikasi yang digunakan untuk mengketegorikan umur responden adalah bermula dengan kurang daripada 25 tahun. Angka ini diambil kerana purata umur permulaan bagi guru siswazah terlatih yang menceburi perkhidmatan pendidikan adalah 25 tahun ke atas.

## Pengalaman Guru

Klasifikasi yang digunakan untuk membandingkan di antara guru dari segi perkhidmatan atau pengalaman kerja atau mengajar. Terdapat 5 kumpulan iaitu kumpulan kurang 5 tahun, kumpulan 5 hingga 10 tahun, kumpulan 11 hingga 15 tahun, kumpulan 16 hingga 20 tahun dan lebih 20 tahun. Ketetapan kurang daripada 5 tahun diambil sebagai pembahagian pengalaman pertama guru kerana tempoh disahkan di dalam jawatan mengikut Sistem Saraan Malaysia (SSM) iaitu genap atau lebih daripada 5 tahun. Di dalam tempoh tersebut juga guru terikat dengan perjanjian Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang menghalang pemberhentian atau pertukaran kerjaya ke sektor lain.